

04 SEP 2003

Adnan-Guru

GURU PENDIDIKAN ISLAM PERLU KIKIS TANGGAPAN GURU KELAS KEDUA

KUANTAN, 4 Sept (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob meminta guru pendidikan Islam mengikis tanggapan bahawa mereka merupakan guru kelas kedua.

Beliau berkata tanggapan itu bukan sahaja boleh merosakkan kredibiliti dan keupayaan diri mereka sebagai pendidik, malah mungkin akan mewujudkan pemberontakan dalam jiwa hingga menjejaskan mutu pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Menurut Adnan tiada istilah guru kelas kedua dalam sektor pendidikan di negara ini kerana semua guru mempunyai tanggungjawab yang sama iaitu mendidik pelajar dengan penuh iltizam seperti yang diamanahkan oleh kerajaan.

"Dalam hal ini, guru pendidikan Islam perlu membetulkan kembali pemikiran mereka selain berpegang kepada fahaman Islam yang sebenar sebagai suatu cara hidup yang jitu," katanya semasa merasmikan Kursus Khas Guru Pendidikan Islam Fasa II 2003 di sini, malam tadi.

Adnan turut menyarankan guru pendidikan Islam menjadikan tokoh ilmuan Islam lampau sebagai contoh terbaik ketika menyebarkan ilmu kepada para pelajar.

Adnan berkata tokoh-tokoh terbabit sentiasa meluaskan ideologi dan pemikiran mereka selain berani meneroka pelbagai ilmu, termasuk sains dan teknologi, sebagai bahan kajian sehingga menjadi tokoh yang amat disegani.

Golongan pendidik juga boleh menjadikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai idola untuk memantapkan kerjaya dengan mengambil cara kepimpinannya untuk maju ke hadapan.

"Justeru, sikap negatif seperti yang dinyatakan itu perlu dibuang dengan segera kerana khuatir masyarakat akan menganggap guru pendidikan Islam berfikiran sempit selain tidak boleh menerima perubahan," katanya.

Seramai 100 guru pendidikan Islam dari daerah Temerloh, Maran, Rompin dan Kuantan menyertai kursus empat hari itu mulai Isnin lepas.

Kandungan kursus itu antara lain membabitkan perancangan strategi pendidikan Islam, peranan dan tanggungjawab guru dalam melahirkan pelajar yang mampu membina negara dan bangsa bertamadun dan pemahaman Islam dalam melahirkan anak bangsa.

-- BERNAMA

TSS SOP LAT